

30 JUN 2000

KONSORTIUM-PERUBAHAN/I

PERALIHAN KONSORTIUM LOGISTIK AKAN JEJAS PENDAPATANNYA

PETALING JAYA, 30 Jun (Bernama) -- Usaha berterusan Konsortium Logistik Bhd untuk mengubah dirinya menjadi lebih mementingkan pelanggan, berdaya saing dan didorong oleh teknologi dijangka mendatangkan kesan buruk ke atas pendapatannya tahun ini.

"Tahun ini kami menyaksikan pertumbuhan tetapi ada banyak lagi pelaburan bagi sistem dan penyusunan semula, yang ternyata akan mendatangkan kesan ke atas penyata kewangan," kata pengerusi eksekutif dan presidennya, Mirzan Mahathir.

"Saya menganggap tahun ini sebagai tahun perubahan dan pelaburan, tahun bertindak," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat tersebut di sini hari ini.

"Sebelum ini, kami merupakan syarikat pengangkutan dan perkapalan, tetapi kini kami mengubah diri kami agar lebih merupakan penyelaras logistik bagi pelanggan-pelanggan kami," tambah beliau.

Perbelanjaan awal Konsortium Logistik bagi Teknologi Maklumat (IT) tahun ini berjumlah kira-kira RM10 juta, katanya.

Menurut beliau Konsortium Logistik sedang mencuba untuk menyusun sumber manusia, organisasi dan sistem untuk memastikan bahawa ia bersedia dari segala aspek untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan-pelanggannya dengan menggunakan teknologi maklumat serta kepakaran logistik profesional.

Menjelang tahun depan, Konsortium Logistik berharap dapat menjadi pembekal perkhidmatan logistik serantau yang lebih berdaya saing, tegas Mirzan.

Bagi tahun berakhir 31 Dis 1999, syarikat tersebut mencatat keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi berjumlah RM43.510 juta daripada RM40.297 juta pada tahun 1998.

Mirzan berkata syarikat itu juga sedang meneruskan usaha meluasannya di Asia Tenggara dan Asia Selatan bagi memajukan rangkaian serantaunya.

Kos pembangunan bagi kehadirannya di rantau ini tahun ini adalah antara RM5 juta dan RM10 juta, katanya. sambil menambah bahawa pelaburan yang besar telah dibuat di Indonesia, Thailand dan India. -- BERNAMA

MSL KY JR